

03/11/1999

`Usah untkit kisah lama' (HL)

Rahman Hashim

MELAKA, Selasa - Bekas pelajar yang pernah dikaitkan dengan bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, hari ini meminta semua pihak tidak lagi mengungkit kisah lama dirinya atau mengganggu keluarganya.

Norhayati Md Yusof, 20, dari Taman Perumahan Awam Rumbia, Alor Gajah, berkata beliau sudah berumah tangga tahun lalu dan kini mempunyai seorang anak berusia enam bulan.

Sambil menafikan pernah mempunyai hubungan sulit dengan Abdul Rahim, Norhayati kesal kerana tohmahan itu ditimbulkan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membela diri dalam perbicaraan kes liwat di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Jumaat lalu.

"Saya sangkakan kes ini sudah lama berakhir tetapi nampaknya timbul semula. Oleh itu, saya mengambil keputusan untuk mendedahkan perkara sebenar tanpa ditekan atau disuruh oleh mana-mana pihak.

"Saya ingin memulakan hidup baru. Hanya dengan memberitahu perkara sebenar, masyarakat akan berhenti bercakap negatif terhadap saya atau keluarga saya," katanya pada sidang akhbar, di sini hari ini.

Berada di sisinya ialah suaminya, Sulaiman Mohd Ali, 28; dan jiran pasangan itu, Musa Mad Nor.

Norhayati turut membacakan surat akuan berkanun yang dibuatnya di hadapan Pesuruhjaya Sumpah, Chong Yong Mok di Jalan Gereja di sini pada 2 September 1988 bagi menafikan hubungannya dengan Abdul Rahim.

Berikutan dakwaan mengenai hubungan dengan seorang gadis bawah umur, Rahim meletakkan jawatan sebagai Ketua Menteri Melaka dan Ketua Pergerakan Pemuda Umno pada Oktober 1994.

Jumaat lalu, Anwar memberitahu Mahkamah Tinggi, Perdana Menteri meminta Rahim meletakkan jawatan sebagai Ketua Menteri Melaka selepas didakwa terbabit merogol gadis bawah umur.

Katanya, dia hanya ditugaskan untuk memberitahu Abdul Rahim bahawa Perdana Menteri meminta Abdul Rahim meletakkan jawatan selepas mengetahui kes terbaru dengan gadis bawah umur.

Pada 25 Ogos 1997, Ahli Parlimen Kota Melaka, Lim Guan Eng menjalani hukuman 18 bulan di Penjara Kajang apabila rayuannya atas dua kesalahan menerbitkan risalah mengandungi kenyataan palsu dan berbentuk fitnah, ditolak oleh Mahkamah Persekutuan.

Sebelum itu, pada 28 April 1997, Mahkamah Tinggi menjatuhkan hukuman denda RM5,000 ke atas Guan Eng selepas didapati bersalah menimbulkan kebencian atau penghinaan terhadap pentadbiran keadilan negara dalam ceramah `Kisah Benar' di Hotel Emperor, Jalan Munsyi Abdullah, pada 19 Januari 1995.

Dalam ceramahnya, Guan Eng dituduh mempertikai undang-undang negara selepas Peguam Negara, Tan Sri Moktar Abdullah membuat pengumuman tidak akan mendakwa Rahim di mahkamah berhubung satu kes rogol kerana kekurangan bukti.

Bagaimanapun, Mahkamah Rayuan selepas menimbangkan prinsip undang-undang mengenai hukuman dan sebabnya, meminda hukuman denda kepada hukuman penjara mengikut Akta Hasutan serta Akta Mesin Cetak dan Penerbitan.

Mahkamah Persekutuan yang bersidang pada 25 Ogos 1997 menolak rayuan Guan Eng dan memerintahkan beliau menjalani hukuman penjara pada hari yang sama. Guan Eng, yang hilang kelayakannya sebagai Ahli Parlimen ekoran hukuman itu, bebas pada 25 Ogos lalu.

Norhayati menjelaskan, tiada siapa tahu beliau diculik dari Melaka oleh seorang gurunya, dikenali Cikgu Zainal dari Sekolah Menengah Datuk Dol Said, Alor Gajah dan 'disimpan' selama dua minggu di Kuala Lumpur.

Selama dua minggu, katanya, beliau diajar dan dipaksa berbohong kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pegawai polis di Bukit Aman bahawa dia mempunyai hubungan sulit dengan Rahim.

Norhayati berkata, beliau pernah bertemu Rahim tetapi hanya untuk menerima bantuan pendidikan dan mereka tidak pernah mempunyai hubungan sulit pada bila-bila masa pun.

Katanya, Zainal yang juga guru disiplin sekolah, pernah mahu menemukannya ke Sekolah Menengah Seri Puteri, Wilayah Persekutuan kerana sikapnya yang suka ponteng sekolah.

Beliau menjelaskan, dua minggu sebelum bertukar sekolah, Zainal membawanya ke Kuala Lumpur untuk menemui rakannya, dikenali sebagai Dr Maamor, di sebuah klinik di Jalan Ampang.

"Setelah sampai, Zainal dan Dr Maamor berbincang di luar kereta dan mereka hendak saya fitnahkan Rahim, tapi saya tidak mahu. Selama dua minggu saya disimpan di klinik Dr Maamor. Saya diajar mengenai cerita kononnya ada hubungan sulit dengan Rahim," katanya.

Norhayati berkata, mereka kemudian membawanya menemui Dr Mahathir bersama dua lagi yang tidak dikenali.

"Ketika menemui Perdana Menteri, Zainal mengatakan saya mempunyai hubungan sulit dengan Rahim tetapi Dr Mahathir hanya diam dan mengangguk," katanya.

Menurutnya, beliau kemudian dibawa ke Bukit Aman kira-kira jam 8.30 malam dan dipaksa membuat laporan mengenai hubungan sulit dengan Rahim dan tinggal di Bukit Aman selama 50 hari.

"Di Bukit Aman, kenyataan saya diambil dan diminta mengaku saja bahawa saya mempunyai hubungan sulit dengan Rahim. Ketika ditahan di Bukit Aman, semua ahli keluarga melawat dan saya ada memberitahu nenek, Pendek Ahmad bahawa saya dipaksa berbuat demikian tetapi beliau tidak percaya," katanya lagi.

Ditanya mengapa baru sekarang beliau mendedahkan perkara itu, Norhayati berkata sebelum ini, beliau sentiasa dipaksa oleh Zainal dan Dr Maamor supaya berbohong.

"Lagi pun saya sudah dibebaskan dari Taman Seri Puteri, Rembau pada 1996 dan kini sudah berumah tangga serta mempunyai seorang anak berusia enam bulan. Saya juga bersedia menghadapi risiko yang mungkin timbul berikutan pendedahan ini," katanya.

Dalam pada itu, Sulaiman meminta semua pihak supaya tidak mengungkit lagi kisah lama atau mengganggu keluarganya kerana mereka sudah memulakan hidup baru.

Sementara itu, Rahim ketika dihubungi di sini, bersyukur kerana kebenaran akhirnya terserlah selepas gadis yang dikatakan mempunyai hubungan seks dengannya pada 1994, membuat penafian.

Menurut Rahim, sejak 1994 lagi hasil siasatan forensik mendapati beliau sememangnya tidak terbabit dalam skandal seks itu tetapi masih ramai yang tidak percaya.

"Sebenarnya, ini adalah konspirasi politik yang dilakukan pihak tertentu terhadap penyokong setia Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana mempunyai agenda tersendiri," katanya.

(END)